

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 MAC 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Malaysia's national graphene plan eyes almost US\$5B 9,000 jobs by 2020	MIS Asia
2	Pantau pelepasan gas rumah kaca	Berita Harian
3	MTHPI secara dasar setuju pelaksanaan projek laluan BioNG	Bernama.com
4	MINDA transformasi merakyatkan era digital	Sinar Harian
5	Program MINDA tawar pelbagai manfaat ICT	Utusan Malaysia
6	PM bangga lantikan Zakri	Utusan Malaysia
7	MetMalaysia laksana pembenihan awan	Harian Metro
8	Malaysia mendidih	Harian Metro
9	Jerebu kembali landa Malaysia	Kosmo
10	Fenomena El Nino beri impak kehidupan marin	Berita Harian
11	Jerebu di Riau tidak merebak ke Malaysia	Utusan Malaysia
12	Empangan di Pulau Pinang susut ekor cuaca kering	Bernama.com
13	Pemilik gerai berhubung kes makanan beracun diambil keterangan	Bernama.com



Malaysia's national graphene plan eyes almost US\$5B and 9,000 jobs by 2020



Photo - The 360 new products to be commercialised by 2020 are being realised through the kick-off of the 10 projects conducted by these companies under National Graphene Action Plan 2020.

Government agency NanoMalaysia has announced that 360 new products will be commercialised under Malaysia's National Graphene Action Plan (NGAP) 2020, which will generate about 9,000 jobs and RM20 (US\$4.86) billion GNI impact by the year 2020.

During a ceremony held recently in Putrajaya, **YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau, the minister of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** announced companies have signed memorandums of agreement (MoUs), which will help to build a local graphene ecosystem speed up downstream adoption.

This adoption of graphene, which is a thin layer of pure carbon just one atom thick [bonded together in a hexagonal honeycomb lattice, and 200-300 times stronger than steel], will involve downstream graphene-based application development for specialty and consumer products ranging from tyre, automotive component, water pipe and ultra-capacitor.

The plan should contribute RM10 (US\$2.43) billion towards Malaysia's GDP (gross domestic product) and about RM20 (US\$4.86) billions of GNI (gross national income) impact. In addition, about 9,000 jobs could be created including 2,000 - 3,000 high-value jobs, he said.

"The year 2016 is the Malaysia Commercialisation Year and the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) is trusted to elevate the commercialisation of innovative products," said the minister. "NGAP 2020 is realising the plan by strategically applying open

innovation with inclusive innovation initiatives into the 10 projects."

"The 360 new products to be commercialised by 2020 are now being realised through the kick-off of the 10 projects [announced today] conducted by these companies under NGAP 2020," he said. "Therefore, it is important to optimise resources and collaborate with other agencies and ministries in this area to realise our vision and mission. I hope through this initiative it will uplift the economy of the country towards a high income nation through science, technology and innovation."

NanoMalaysia's chief executive officer, Dr Rezal Khairi Ahmad, said: "NanoMalaysia Berhad through the National Graphene Action Plan 2020, accelerates nanotechnology innovation and commercialisation with local and international collaborations through technology co-development and transfer, joint ventures and co-investments."

"These MoUs establish the framework for cooperation to properly be executed by local companies which will develop and produce graphene-based technology and applications. Given the potentially large number of parties involved in this action plan, the government through NanoMalaysia will play an active monitoring and coordination to ensure positive progress. In addition, the scope of targeted applications can also be extended to other industries where Graphene is expected to play a revolutionary role in the coming years," added Dr Rezal.

NanoMalaysia Berhad as an agency under the Ministry of Science, technology and Innovation (MOSTI) and as the lead agency to execute the National Graphene Action Plan 2020 (NGAP 2020) exchanged 10 Memorandums of Understanding (MoUs) today with 10 companies under the NGAP 2020 programme at Dewan Banquette, Pejabat Utama Perdana Menteri, Putrajaya.

MESYUARAT PERTAMA MAJLIS TEKNOLOGI HIJAU DAN PERUBAHAN IKLIM



Najib mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim di Bangunan Parlimen, semalam yang turut disertai Ongkili (kanan) dan Wan Junaidi (kiri). [FOTO BERNAMA]

Pantau pelepasan gas rumah kaca

► **Projek laluan BioNG dilaksana sebagai pemangkin pertumbuhan**

Oleh Mohd Hamizar Hamid,
Rohaniza Idris
dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Mesyuarat Pertama Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) bersetuju supaya setiap kementerian dan agensi kerajaan memantau serta menjejaki pelepasan gas rumah kaca (GHG) dalam sektor masing-masing.

Mesyuarat dipengerusikan

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak itu juga bersetuju supaya **Kementerian Sains, Inovasi dan Teknologi (MOSTI)** melaksanakan pembinaan Projek Laluan BioNG (biogas yang setara gas asli) sebagai pemangkin pertumbuhan industri teknologi hijau.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, berkata kedua-dua perkara itu diperseutujui menerusi dua kertas pertimbangan yang dibentangkan pada mesyuarat berkenaan.

Maklum pelepasan GHG

"Bagi kertas pertimbangan pertama, mesyuarat bersetuju supaya setiap kementerian dan agensi memaklumkan pelepasan GHG berserta tindakan, program dan aktiviti pengurangan pelepasan GHG.

"Ia juga termasuk keperluan mencapai teknologi dan kapa-

siti dalam sektor masing-masing ke arah mencapai 10 peratus pengurangan.

"Bagi Projek Laluan BioNG, ia akan dilaksanakan di Jalan Segamat-Gambang yang juga dikenali sebagai Lebuhraya Tun Razak sejauh 150 kilometer (km)," katanya dalam kenyataan selepas mesyuarat itu di Parlimen, semalam.

"Ia juga termasuk keperluan mencapai teknologi dan kapasiti dalam sektor masing-masing ke arah mencapai 10 peratus pengurangan"

Maximus Ongkili,
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

Mesyuarat itu turut disertai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Tangani perubahan iklim

Mesyuarat bersama antara Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar itu bertujuan merangka agenda pembangunan teknologi hijau dan menangani isu perubahan iklim.

Kertas pertimbangan pertama daripada NRE membabitkan tindakan susulan sempena hasil Persidangan Ke-21 Kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Mesyuarat Ke-11 Kepada Protokol Kyoto (UNFCCC COP2/ CMP11).

Mesyuarat turut dimaklumkan berhubung komitmen negara mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 45 peratus menjelang 2030 yang dinyatakan ketika UNFCCC COP2/CMP11.

Kertas pertimbangan kedua adalah daripada SIRIM Berhad berhubung Pewujudan Rantaisian Nilai Bio Gas (BioNG) sebagai Industri Teknologi Hijau Yang Baharu.



MTHPI Secara Dasar Setuju Pelaksanaan Projek Laluan Biong

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) secara dasarnya bersetuju dengan pelaksanaan cadangan membina dan menyiapkan Projek Laluan BioNG (biogas setara gas asli) di Laluan 12 Jalan Segamat-Gambang atau dikenali Lebuhraya Tun Razak, sejauh 150 kilometer.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dalam satu kenyataan berkata, mesyuarat MTHPI yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, hari ini bersetuju bagi Kementerian Sains, Inovasi dan Teknologi (MOSTI) untuk melaksanakan projek itu sebagai pemangkin bagi melonjakkan pertumbuhan industri teknologi hijau BioNG.

"Pemilihan lokasi ini adalah berdasarkan kepada ketersediaan sumber dan pelbagai pihak berkepentingan di sepanjang laluan seperti pengeluar biogas (25 kilang kelapa sawit dalam radius 10 kilometer) serta pengguna jalan raya yang merangkumi lebih daripada 9,000 kenderaan awam dan 2,500 kenderaan perladangan," kata kenyataan itu.

Inisiatif berkenaan juga menyokong persediaan MOSTI ke arah melaksanakan Tahun Pengkomersilan Malaysia 2016.

Dalam pada itu, mesyuarat berkenaan juga bersetuju supaya setiap kementerian dan agensi memantau serta menjejaki pelepasan gas rumah hijau (GHG) di bawah sektor masing-masing.

Malah, setiap kementerian dan agensi perlu memaklumkan pelepasan GHG tersebut bersama dengan tindakan, program dan aktiviti pengurangan pelepasannya bagi mencapai 10 peratus pengurangan GHG.

Ia juga selaras komitmen Malaysia untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030 iaitu 35 peratus secara sukarela dan 10 peratus secara bersyarat, sepertimana dinyatakan pada Persidangan ke-21 Konvensyen Rangka Kerja Mengenai Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) dan Mesyuarat ke-11 Protokol Kyoto.

MTHPI merupakan platform peringkat tertinggi untuk menyelaraskan isu-isu mengenai teknologi hijau di antara pihak kementerian, agensi, sektor swasta dan pihak berkepentingan bagi melaksanakan Dasar Teknologi Hijau Negara serta menangani masalah perubahan iklim.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NEGARA) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 11 MAC 2016 (JUMAAT)

MINDA transformasi merakyatkan era digital

PROGRAM Malaysia Inklusif Negara Digital (MINDA), satu lagi transformasi Kerajaan merakyatkan perkhidmatan komunikasi dan pendigitalan negara.

Program MINDA akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 12 Mac 2016 bertempat di Tebingan Sungai, Kuching, Sarawak.

Penganjuran Program MINDA yang julung-julung kali diadakan ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) untuk merapatkan jurang saluran penyampaian informasi di antara Kerajaan dan rakyat. Pada masa yang sama, matlamat program ini adalah untuk menghubungkan rakyat dan membina masyarakat yang bermaklumat.

Manakala objektif MINDA adalah untuk:

- Meningkatkan kesedaran

dan pengetahuan mengenai kepentingan serta kaedah penggunaan teknologi komunikasi;

- Memperkasakan masyarakat untuk menjadi pengguna yang bijak dan berhemah dalam penggunaan teknologi komunikasi;

- Merapatkan jurang saluran di antara Kerajaan dengan rakyat dan membina masyarakat bermaklumat melalui

penyampaian informasi secara cepat, tepat serta cermat.

- Merangsang pertumbuhan ekonomi digital di kalangan masyarakat khususnya di peringkat akar umbi.

Pengisian Program MINDA melibatkan kolaborasi di antara Kerajaan dan agensi peringkat persekutuan dan negeri, agensi swasta, badan-badan berkanun kerajaan (NGO) serta syarikat telekomunikasi. Agensi kerajaan persekutuan yang terlibat adalah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian

Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Belia dan Sukan dan banyak lagi.

Sepanjang Program Minda berlangsung aktiviti pameran diadakan yang melibatkan 50 penyertaan. Pameran dikategorikan kepada empat zon iaitu Zon Capaian, Zon Motivasi, Zon Kemahiran dan Zon Kebolehpercayaan.

• ZON : Capaian

Menawarkan kemudahan Infrastruktur dan teknologi High Speed Broadband dengan kualiti liputan yang meluas menggunakan teknologi 3G dan 4G serta kos mampu milik – 1Malaysia Pakej Mampu Milik (promosi broadband). Zon ini melaksanakan aktiviti:

- a. Menawarkan kemudahan infrastruktur komunikasi
- b. Memperkenalkan teknologi digital terkini
- c. Meluaskan liputan internet dan jalur lebar

• ZON : Motivasi

Menggalakkan promosi



Penganjuran program MINDA untuk merapatkan jurang saluran penyampaian informasi di antara kerajaan dan rakyat.

mengenai manfaat yang diperoleh menerusi penggunaan seperti u-Pustaka, Online payment, online registration, e-kerajaan, e-boking, perniagaan online, peluang pekerjaan, hiburan, permainan atastalian, pertandingan online, kesihatan, bantuan kecemasan dan program e-waste.

• ZON : Kemahiran

Meningkatkan kebolehan dan keyakinan menggunakan

internet melalui kemahiran literasi dan digital seperti Kandungan kreatif tempatan, sesi e-learning, kemahiran digital (learning ICT, kemahiran keselamatan (dikik dengan bijak), keyakinan (sesi pembelajaran usahawan dan mencipta aplikasi.

• ZON : Kebolehpercayaan

Memberi kesedaran mengenai keselamatan rangkaian dan pendedahan

media sosial serta peraturan yang mengawal risiko siber. Pelindungan data peribadi (PDP), keselamatan cyber dan customer Forum Malaysia.

Program MINDA diharap dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dan menimbulkan satu kesedaran demi untuk memastikan penggunaan teknologi digital digunakan dengan cara yang bijak dan betul.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 8

TARIKH : 11 MAC 2016 (JUMAAT)



PROGRAM MINDA yang berlangsung di Tebingan Sungai, Kuching, Sarawak, menawarkan pelbagai bentuk pendedahan menarik dunia ICT.



PENGLIBATAN pelbagai agensi dan syarikat berkaitan telekomunikasi di gerai pameran MINDA.

Program MINDA tawar pelbagai manfaat ICT

KEMENTERIAN Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) akan menyelesaikan isu-isu yang menjadi cabaran dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negara ini melalui penganjuran program Malaysia Inklusif Negara Digital (MINDA).

Program selama tiga hari yang bermula hari ini di Tebingan Sungai, Kuching, Sarawak, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, pada keesokan harinya.

Ketua Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Muhamad Aszahari Abdul Rahman dalam kenyataannya berkata, program MINDA bertujuan memberi pendedahan kepada orang ramai tentang perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi dan teknologi ICT untuk mendepani masyarakat dalam era digital.

"Kita harap usaha kerajaan ini akan dapat merangsang dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi digital khususnya di peringkat akar umbi melalui peluang-peluang yang ada dan bakal diterokai kelak."

Selain itu, kerajaan juga sedang berusaha memperkasakan segenap



Kita harap usaha kerajaan ini akan dapat merangsang dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi digital khususnya di peringkat akar umbi melalui peluang-peluang yang ada dan bakal diterokai."

MUHAMAD ASZAHARI ABDUL RAHMAN
Ketua Unit Komunikasi Korporat,
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

lapisan masyarakat untuk menjadi pengguna teknologi ICT yang lebih bijak dan berhemah," katanya.

Muhamad Aszahari berkata, empat perkara yang dikenal pasti menjadi cabaran dan halangan utama dalam pembangunan teknologi ICT di negara ini melalui program itu adalah berkaitan akses, kemahiran,

motivasi dan kebolehppercayaan.

Demi mencapai objektif yang ditetapkan kata beliau, pelaksanaan program MINDA dibahagikan kepada empat zon utama iaitu Zon Capaian, Zon Galakan, Zon Kemahiran dan Zon Kebolehppercayaan.

"Pembahagian zon ini dibuat bagi membolehkan setiap masalah



dan isu diberi perhatian dan diselesaikan secara lebih sistematik.

"Golongan sasaran yang akan menerima manfaat daripada program ini adalah ahli komuniti setempat, usahawan, belia, ibu bapa, pelajar dan penduduk luar bandar," tambahnya.

Muhamad Aszahari berkata, di Zon Capaian, program MINDA menawarkan pelbagai kemudahan infrastruktur dan teknologi digital untuk memberikan akses digital kepada orang ramai.

Sebahagian daripada usaha yang dilaksanakan adalah untuk memperkemas semula kemudahan infrastruktur komunikasi, memperkenalkan teknologi digital terkini dan meluaskan liputan internet jalur lebar.

"Usaha ini akan dilaksanakan dengan kerjasama pemain-pemain dalam industri telekomunikasi dan pembekal peralatan komputer."

"Selain itu, MINDA juga menawarkan maklumat berkenaan kemudahan infrastruktur yang dibina untuk kegunaan penduduk setempat, pakej perkhidmatan jalur lebar dan tawaran harga yang menarik bagi peralatan elektronik serta komputer sepanjang program itu," ujar beliau.

Sementara itu, di Zon Galakan katanya, orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai pelbagai promosi dan manfaat daripada penggunaan teknologi digital, kepantasan maklumat di hujung jari dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Zon Galakan disertai oleh KKMM; Kementerian Kewangan (e-Perolehan); Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPPKK); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI); agensi kerajaan persekutuan dan negeri serta usahawan-usahawan dalam talian.

Peringkat seterusnya adalah Zon Kemahiran yang bertujuan meningkatkan kebolehan orang ramai menggunakan internet melalui kemahiran literasi dan digital.

Antara program yang dirangka termasuk penganjuran bengkel latihan ICT kepada penduduk setempat

dalam usaha meningkatkan kemahiran penggunaan internet.

Agensi-agensi yang dijangka terlibat adalah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang ingin mempromosikan penggunaan sistem secara atas talian, MAMPU, MDeC dan Fos Malaysia.

Muhamad Aszahari berkata, peringkat akhir program MINDA adalah Zon Kebolehppercayaan yang memberi kesedaran mengenai tahap keselamatan rangkaian dan pendedahan media sosial serta peraturan untuk mengawal risiko siber.

"Usaha ini diharap akan dapat memberi jaminan keselamatan rangkaian untuk digunakan tanpa was-was oleh rakyat di negara ini," katanya.

Tambah beliau, program-program kesedaran keselamatan siber akan melibatkan kementerian dan jabatan kerajaan yang berkaitan antaranya Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPPD), Cybersecurity, Institut Integriti Malaysia (IIM).

Sehubungan itu kata beliau, penganjuran MINDA diharap bukan sahaja meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai teknologi maklumat bahkan membentuk komuniti yang celik ICT.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 11 MAC 2016 (JUMAAT)

PM berbangga lantikan Zakri

KUALA LUMPUR 10 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak gembira dan berbangga dengan pelantikan Penasihat Sains beliau, Tan Sri Dr. Zakri Abdul Hamid sebagai Pengerusi Bersama bagi Lembaga Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Asia Pasifik, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (ESCAP).

Perdana Menteri menyifatkan pelantikan tersebut sebagai pengiktirafan terhadap kewibawaan dan pengetahuan Zakri.

"Ini adalah satu pengiktirafan terhadap kewibawaan dan pengetahuan Tan Sri (Zakri) serta komuniti sains, teknologi dan inovasi Malaysia. Tahniah dan selamat maju jaya!" katanya melalui laman Facebook beliau hari ini.

Zakri dilantik untuk mempekerusikan lembaga tersebut bersama bekas Menteri Sains dan Teknologi Pakistan, Prof. Atta-ur-Rahman.

Selain dua tokoh tersebut, lembaga yang terdiri daripada 10 ahli itu turut melibatkan pakar-pakar terkemuka dari Australia, China, India, Iran, Jepun, Singapura, Korea Selatan dan Sri Lanka.



DR. ZAKRI ABDUL HAMID

Antara peranan utama lembaga berkenaan adalah menasihati ESCAP menerusi pelbagai cara dan pendekatan yang membolehkan STI dimanfaatkan dan mencapai aspirasi diketengahkan dalam Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) yang dipersetujui dalam Sidang Kemuncak PBB mengenai Agenda Pembangunan 2030 di New York pada September lalu.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 11 MAC 2016 (JUMAAT)

MetMalaysia laksana pembenihan awan

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Kerajaan Negeri perlu melaksanakan pembenihan awan bagi mengelakkan air di empangan mencapai paras kritikal disebabkan cuaca panas berpanjangan.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air Dan Tenaga Malaysia (AWER) S Piarpakaran berkata, pihak berkaitan perlu mencari langkah penyelesaian segera.

"Ini kerana kita tidak mahu jika keadaan paras air menghampiri kritikal baru pembenihan mahu dibuat.

"Jika sesetengah empangan berisiko dan rendah, ia menjadi masalah kepada penduduk sekitar," katanya.

Setakat jam 7.30 malam

tadi, paras air di Empangan Langat adalah normal dengan bacaan 214.85 meter; Empangan Semenyih (110.66 meter) dan Empangan Sungai Selangor (209 meter).

Selain itu, paras air Empangan Sungai Tinggi pula adalah 57.96 meter manakala paras air di Empangan Tasik Subang pula mencapai tahap maksimum 38.58 meter.

Sementara itu, di Perak, paras air di Empangan Ulu Kinta berada pada paras maksimum iaitu 245.01 meter manakala di Empangan Bukit Merah pula normal iaitu 8.52 meter.

Di Johor, paras air di Empangan Machap dan Empangan Bekok masing-masing di paras normal iaitu 15.50 meter dan 13.57 meter.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 10 & 11
TARIKH: 11 MAC 2016 (JUMAAT)

MALAYSIA MENDIDIH

■ Peralihan Monsun Timur Laut kepada Monsun Barat Daya tingkatan suhu negara

LAPORAN PARAS EMPANGAN TERKINI

EMPANGAN	LIMPAH	TERKINI	KRITIKAL	MINIMUM
Sungai Terip	103.00	98.26	94.60	86.60
Kelinchi	215.00	199.93	198.30	181.60
Talang (Ulu Muar)	154.00	144.58	140.50	127.00
Sungai Beringin	135.00	134.65	131.7	128.50
Gemencheh	110.00	95.12	95.00	86.50
Ulu Sepri	135.00	135.00	127.20	117.50
Teriang	204.00	190.20	190.00	176.00

Takungan terus tunjuk penurunan

Seremban: Paras air di lima daripada tujuh empangan di negeri ini terus menunjukkan penurunan dengan Empangan Gemencheh. Tampan hampir menyamai paras kritikal setakat semalam.

Bacaan air di Empangan Gemencheh ketika ini ialah 95.12 meter (m), hampir menyamai paras kritikal 95.00m berbanding 95.18m direkodkan kelmarin.

Selain itu, empangan lain turut mencatatkan penurunan iaitu Sungai Terip 98.26m dengan paras kritikal 94.60m, Talang (Ulu Muar), 144.58m (140.50m), Sungai Beringin di Pedas 134.65m (131.75m), Kelinchi 199.93.

Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dalam satu kenyataan berkata, hanya Empangan Teriang me-

nunjukkan sedikit peningkatan iaitu 190.20m berbanding 190.10m direkodkan sebelum ini.

"Bagi Ulu Sepri, paras air empangan ini tidak menunjukkan perubahan iaitu 135.00m berbanding 127.20 paras kritikal.

"Empangan Gemencheh mempunyai bacaan paras limpah adalah 110.00m diikuti Sungai Terip (103.00m), Kelinchi (215.00m), Talang (Ulu Muar) (154.00m), Sungai Beringin di Pedas (135.00m), Ulu Sepri (135.00m) dan Teriang, 204.00m.

"SAINS akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa di semua empangan berikutan cuaca panas dan kering kesan fenomena El Nino sejak awal tahun ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ghah Mahazura Abd Malik
mahazura@metro.com.my
Kuala Lumpur

Cuaca panas melampau yang sedang melanda negara pada masa ini dijangka berterusan sehingga September depan berikutan peralihan Monsun Timur Laut kepada Monsun Barat Daya.

Timbalan Ketua Pengarah (Cuaca dan Iklim)

Alul Bahari berkata, cuaca panas dan kering yang sedang berlaku kini berpunca daripada faktor pertembungan Monsun Timur Laut dan fenomena El Nino.

"Berdasarkan pemantauan Met-Malaysia fenomena gerhana matahari separa yang berlaku kelmarin, didapati tidak memberi kesan langsung terhadap cuaca dan suhu di negara ini.

"Pada ketika ini, negara kita sedang berada di penghujung musim Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir pada penghujung Mac atau awal April depan.

"Dalam tempoh ini, beberapa tempat di negara kita memang mengalami cuaca kering dan kurang hujan serta keadaan ini bertambah buruk lagi dengan kehadiran El Nino kuat sejak Oktober lalu hingga menyebabkan suhu negara meningkat lebih tinggi antara 0.5 dan 2 darjah Celsius berbanding biasa," katanya ketika dihubungi semalam.

Selain itu katanya, pemantauan semasa MetMalaysia juga mendapati kekuatan fenomena El Nino sudah mula menurun dan dijangka berakhir pada Jun depan.

"Bagaimanapun, pada Mei hingga September pula, negara akan me-

ngalami Monsun Barat Daya yang lazimnya cuaca pada tempoh ini berada dalam keadaan panas dan kering.


Dalam perkembangan lain, Alul berkata, asap jerebu yang sedang melanda Riau, Sumatera, Indonesia tidak akan memasuki negara berikutan kitaran angin bertiup dari Timur Laut.

Sementara itu, tinjauan cuaca Met Malaysia menunjukkan tupan angin Timur Laut dengan kelajuan lemah dijangka berterusan sehingga Selasa depan mengakibatkan cuaca seluruh negara dijangka tiada hujan pada waktu pagi.

Bagaimanapun, hujan dan ribut petir di satu dua tempat masih boleh berlaku di negeri Pantai Barat Semenanjung dan kawasan pedalaman Pahang, Kelantan dan Terengganu serta semua bahagian di Sarawak pada waktu petang dan senja.

FAKTA

Fenomena El Nino dijangka berakhir pada Jun depan



PESAWAH: Mohd Iza Omar, 32, dari Kampung Teluk Kondin, Jalan Alor Mengkudu melihat anak padi yang rosak kesan dari rekahan tanah di sawahnya akibat cuaca panas.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 11 MAC 2016 (JUMAAT)

Jerebu kembali landa Malaysia

KUALA LUMPUR - Malaysia kembali dilanda jerebu dengan kawasan Cheras di sini mencatat Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat mencecah bacaan 130 pada pukul 1 petang semalam.

Bagaimanapun bacaan IPU di beberapa lokasi termasuk Cheras menurun ke paras sederhana selepas hujan di ibu negara pada petang semalam.

Keadaan jerebu di seluruh negara setakat 4 petang semalam menunjukkan 20 kawasan mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sederhana.

Menurut portal Jabatan Alam Sekitar (JAS), bacaan IPU di Banting, Selangor mencatat tahap 85, manakala IPU di Nilai, Negeri Sembilan pula mencecah 80.

Jurucakap **Jabatan Meteorologi Malaysia** berkata, jerebu dijangka tidak berlautan kerana hujan yang turun di beberapa lokasi di seluruh negara akan mengurangkan bacaan IPU.



GAMBAR yang dirakamkan pada tengah hari semalam menunjukkan keadaan jerebu di sekitar Kuala Lumpur selepas bacaan IPU di Cheras mencecah 130.

Bacaan IPU antara 0 dan 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 ke 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas sebagai bahaya.

INFO Bacaan IPU

Kawasan dan bacaan IPU (10 Mac 2016)

Banting	(85)
Nilai	(80)
Muar	(68)
Batu Muda	(62)
USM	(57)
Cheras	(55)
Taiping	(56)
Kangar	(51)
Miri	(51)

* Bacaan IPU pada pukul 4 petang berdasarkan laman web JAS

Fenomena El Nino beri impak kehidupan marin

» **Peningkatan suhu air Lautan Pasifik jejas batu karang, populasi ikan**

Oleh Azran Jaffar
azran@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Fenomena El Nino yang dialami di seluruh dunia termasuk Malaysia pada masa ini, memberi impak kepada perairan negara terutama di bahagian Pantai Timur Semenanjung berikutan peningkatan suhu air laut yang menyebabkan ia menjadi lebih panas.

Keadaan ini memberi kesan kepada kehidupan marin terutama batu karang, seterusnya terhadap populasi ikan yang menjadikan batu karang itu sebagai sumber makanan.

Impak masih belum ketara

Pengurus Besar Reef Check Malaysia (RCM), Julian Hyde, berkata walaupun impak peningkatan suhu air laut masih belum ketara di Malaysia, ia memberi kesan kepada batu karang di perairan Lautan Pasifik apabila ada yang mati dan mengalami pengondolan.

"Susulan itu, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menjalankan kajian kesan fenomena El Nino terhadap perairan negara, manakala Jabatan Laut pula membuat pemantauan terhadap batu karang," katanya ketika ditemui selepas menjadi ahli panel

perbincangan Meja Bulat ke-13 Anugerah Merdeka yang diadakan di sini, semalam.

RCM adalah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang terabit dalam memberikan kesedaran kepada komuniti setempat berhubung kepentingan dan ancaman terhadap batu karang.

El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik. Ia boleh menyebabkan berlaku rantaian perubahan iklim di seluruh dunia dan antara kesannya termasuk hujan lebat di sesetengah kawasan, manakala di beberapa kawasan lain berlaku kemarau berpanjangan.

Hyde berkata, kesan peningkatan suhu air laut ini adalah kejadian semula jadi dan peman-

tauan dibuat dalam tempoh dua hingga tiga bulan ini bagi melihat kesannya kerana kematian batu karang boleh menjejaskan jumlah tangkapan ikan.

El Nino berakhir April ini

"Kita menunggu El Nino berakhir dijangka April ini dan pemantauan serta kajian dilakukan bagi membolehkan kita melakukan sesuatu jika fenomena ini melanda negara pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail, berkata El Nino yang dialami pada masa ini menyebabkan kadar curahan hujan negara berkurangan antara 20 hingga 60 peratus sejak Januari lalu, manakala suhu pula meningkat antara 0.5 hingga dua darjah Celsius dan dijangka berterusan sehingga April.



“Kesan peningkatan suhu air laut ini adalah kejadian semula jadi dan pemantauan dibuat dalam tempoh dua hingga tiga bulan ini bagi melihat kesannya kerana kematian batu karang boleh menjejaskan jumlah tangkapan ikan”

Julian Hyde,
Pengurus Besar
Reef Check Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 11 MAC 2016 (JUMAAT)

Jerebu di Riau tidak merebak ke Malaysia

KUALA LUMPUR 10 Mac - Aktiviti pembakaran hutan secara terbuka di Riau tidak akan mendatangkan kesan jerebu kepada Malaysia buat masa ini, susulan daripada pergerakan angin yang kini bertiup dari arah timur laut menuju ke Indonesia.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Alui Bahari berkata, bagaimanapun, jika kebakaran hutan berpanjangan, berkeungkinan asap jerebu boleh merebak ke Malaysia pada awal bulan April ini kerana pada ketika itu, angin bergerak dari pelbagai arah,"

katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kesan pembakaran hutan di Riau kelmarin sehingga memaksa pihak berkuasa mengisytiharkan darurat.

Mengulas mengenai fenomena gerhana matahari sederhana, Alui berkata, berdasarkan pemantauan, pihaknya mendapati fenomena tersebut tidak memberi kesan terhadap cuaca dan suhu di Malaysia.

Tambahnya, cuaca kering dan kekurangan hujan yang dialami negara ketika ini adalah kesan daripada Monsun Timur Laut yang di-

jangka berakhir pada penghujung bulan Mac atau awal April ini.

"Dalam tempoh ini, beberapa tempat akan mengalami cuaca kering dan kekurangan hujan. Keadaan itu diburukkan lagi dengan kehadiran fenomena El Nino kuat sejak bulan Oktober tahun lalu.

"El Nino kuat akan menyebabkan suhu negara meningkat antara 0.5 hingga 2.0 darjah Celsius berbanding keadaan biasa. Pemerhatian semasa yang dijalankan Jabatan Meteorologi mendapati El Nino dijangka berakhir pada pertengahan tahun ini," jelasnya.



Empangan Di Pulau Pinang Susut Ekoran Cuaca Kering

GEORGE TOWN, 10 Mac (Bernama) -- Cuaca panas dan kering berikutan fenomena El Nino sekarang menyebabkan paras air di beberapa empangan utama di negeri ini susut dengan ada yang dilapor hanya mampu bertahan 77 hari lagi sekiranya hujan tidak turun.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), Datuk Jaseni Maidinsa berkata bagaimanapun kapasiti air masih berada pada tahap stabil.

Beliau berkata tahap air di Empangan Air Itam ialah 78.9 peratus dan di Empangan Teluk Bahang sebanyak 74.2 peratus, masing-masing susut daripada 85.3 peratus dan 79.1 peratus yang dicatat 16 Feb lepas.

Sementara di Empangan Mengkuang, Bukit Mertajam, ia pada paras 92.9 peratus, tambahnya.

"Rizab air di Empang Air Itam masih mampu bertahan 77 hari lagi tanpa hujan, manakala rizab di Teluk Bahang boleh bertahan sehingga 226 hari.

"Kami menjangkakan Pulau Pinang akan mendapat hujan bermula pertengahan bulan April," katanya kepada Bernama.

Jaseni berkata paras air di Sungai Muda berada pada 2.41 meter.

Beliau berkata PBAPP sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga walaupun bekalan air di negeri ini berada pada paras stabil.

"PBAPP sentiasa mengamalkan strategi menyimpan rizab air setiap tahun sebelum perayaan Krismas kerana musim kemarau di utara akan bermula setiap tahun selepas tempoh itu," katanya.

Beliau berkata PBAPP juga sentiasa mencari peluang bekerjasama dengan pengguna supaya mengurangkan penggunaan air bagi memastikan kelestarian bekalan air.

Pulau Pinang telah lama tidak mendapat hujan iaitu daripada 16 Feb hingga 6 Mac dan kali terakhir hujan terutama di kawasan empangan ialah pada Isnin lepas.

"Kami ingin meminta kerjasama penduduk Pulau Pinang supaya menggunakan air dengan berhemah dan hentikan pembaziran air ketika menghadapi musim panas ini," katanya.

Menurut [Jabatan Meteorologi](#), cuaca diramal kembali normal pada bulan Jun.

-- BERNAMA



Pemilik Gerai Berhubung Kes Makanan Beracun Diambil Keterangan

BATU GAJAH, 10 Mac (Bernama) -- Pihak polis mengambil keterangan daripada pemilik gerai di Siputeh semalam berhubung kes makanan dicemari racun serangga.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Perak, Datuk Goh Kok Liang berkata polis juga mengambil keterangan daripada beberapa individu lain.

"Kertas siasatan telah dibuka untuk mengesan sama ada terdapat sebarang perbuatan jenayah atau sebaliknya," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Gajah hari ini.

Beliau berkata selain pihak polis, Kementerian Kesihatan juga menjalankan siasatan mengenai kes itu.

Laporan polis mengenai kes tersebut dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Gajah pada 4 Mac lepas.

Semalam **Jabatan Kimia Perak** mengesahkan keracunan berpunca daripada racun serangga iaitu karbamat yang terdapat dalam sambal nasi lemak, kuetiau goreng, kuih bom dan cucur badak.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air Negeri Datuk, Dr Mah Hang Soon berkata setakat hari ini, dua pesakit masih berada di Hospital Raja Permaisuri Bainun di Ipoh dengan seorang daripadanya ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Seorang lagi pesakit yang ditempatkan di ICU di hospital swasta semakin pulih," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

-- BERNAMA